

Denda RM25,000 import ayam tanpa permit

JOHORBAHRU - Mahkamah sesyen, di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM25,000 ke atas Moly Food Trading selepas mendapati syarikat berkenaan bersalah mengimport karkas potongan ayam sejuk beku, Oktober tahun lalu.

Moly Food Trading yang diwakili Pengurusnya, Ciah Mok Yong mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut selepas dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim, Mohammad Khalid Ab Karim.

Mengikut kertas pertuduhan, syarikat berkenaan didakwa cuba mengimport karkas (*Frozen Chicken Whole Leg*) seberat 22,140 kilogram dan (*Chicken Boneless Leg*) seberat 1,860 kilogram dalam dua kontena yang dirampas Jabatan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Pelabuhan Pasir Gudang kira-kira jam 7.35 petang pada 9 Oktober 2016.

Karkas potongan ayam sejuk beku yang dimuatkan ke dalam dua kontena, difahamkan telah diimport dari Hong Kong, China namun tidak mempunyai sebarang permit import sah dikeluarkan oleh Maqis, iaitu satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum bawah Seksyen 11(3) akta sama.

Mohammad Khalib turut mengarahkan hukuman penjara tiga minggu ke atas tertuduh jika gagal membayar denda yang dikenakan.

Terdahulu *Sinar Harian* melaporkan cubaan membawa masuk ayam sejuk beku tanpa permit berjaya digagalkan Jabatan Kastam Johor susulan penahanan dua lori kontena, Oktober lalu.



Kontena dipenuhi kotak berisi potongan daging ayam sejuk beku yang diimport tanpa permit.

